

## Terma dan Syarat Kempen ‘Mohon dan Menang’ (“MMYYP”)

1. Terma dan syarat berikut hendaklah digunakan untuk **MMYYP** (juga dikenali selanjutnya sebagai (“**Kempen**”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh **Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad, No. Pendaftaran: 199201018259 (249763-U)**, juga dikenali sebagai “**YYP**”.
3. Kempen ini bermula pada 15 Oktober 2021 dan tamat pada 31 Januari 2022, termasuklah kedua-dua tarikh itu sendiri, melainkan diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).
4. **Kelayakan**
  - 4.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan **YYP** (“**Pelanggan**”) baru dan sedia ada yang memenuhi semua kriteria seperti yang berikut (“**Pelanggan Yang Layak**”):
    - a) Kepada permohonan pembiayaan peribadi baharu sahaja melalui aplikasi ePanta\$ atau [www.epantas.com.my/co](http://www.epantas.com.my/co);
    - b) Kepada kemudahan pembiayaan yang telah dilulus, diterima dan dikreditkan dalam satu permohonan semasa Tempoh Kempen;
    - c) Kepada kemudahan pembiayaan peribadi yang telah dilulus dengan jumlah minimum pembiayaan RM10,000.00;
    - d) Kepada akaun yang aktif dan tidak bermasalah; dan
    - e) Kepada mereka yang baru mengikuti atau sedia ada laman Facebook **YYP**.
  - 4.2 Pengeluaran pembiayaan bagi tujuan penyelesaian pembiayaan sedia ada di **YYP** adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini. Hanya pembiayaan bertindih (overlap) untuk penyelesaian dengan institusi-institusi lain sahaja layak untuk menyertai Kempen ini.
  - 4.3 **YYP** berhak untuk menolak kelayakan pelanggan untuk Kempen ini mengikut budi bicara mutlakinya, difikir sesuai dan Pelanggan tidak mempunyai sebarang alasan yang munasabah terhadap **YYP**.
  - 4.4 Tanpa menghadkan perkara di atas, pelanggan akan dikecualikan daripada pemilihan Pelanggan yang layak dan tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
    - a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan berkaitan kemudahan yang diberikan oleh **YYP**; atau
    - b) Individu yang telah tidak waras, meninggal dunia, diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang yang dikenakan.

## 5. Mekanisme Kempen

- 5.1 Pelanggan Yang Layak dalam Tempoh Kempen akan secara automatik berhak untuk menyertai Kempen ini.

## 6. Hadiah

- 6.1 Hadiah bagi Kempen ini adalah seperti berikut (“**Hadiah**”):

KATEGORI	JUMLAH BILANGAN PEMENANG	JUMLAH BILANGAN HADIAH
Hadiah Utama	1 Pemenang	1 unit Motosikal Yamaha
Hadiah Kedua	1 Pemenang	1 unit iPad Air 64GB Wi-Fi
Hadiah Bulanan*	1 Pemohon Terawal yang lulus untuk setiap bulan (1 pemenang sebulan)	3 unit RM100 TouchNGO eWallet (1 unit sebulan)

- \* Tempoh hadiah bulanan adalah seperti berikut (“**Tempoh**”):

15 Oktober 2021 – 14 November 2021	1 Pemohon terawal yang lulus
15 November 2021 – 14 Disember 2021	1 Pemohon terawal yang lulus
15 Disember 2021 – 31 Januari 2022	1 Pemohon terawal yang lulus

- 6.2 Setiap pelanggan yang berkelayakan hanya layak untuk menang SATU (1) hadiah sepanjang tempoh peraduan tertakluk kepada Terma dan Syarat.
- 6.3 Gambar Hadiah yang diterbitkan di dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan lain-lain bahan berkaitan atau berkait dengan Kempen adalah untuk kegunaan ilustrasi.
- 6.4 Sebarang ketidakpuasan hati mengenai kualiti atau waranti ke atas Hadiah atau terma dan syarat yang berkaitan dengannya, pemenang secara langsung akan berurusan dengan pembekal perkhidmatan. YYP tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan kualiti atau waranti Hadiah atau terma dan syarat yang berkaitan dengannya.

## 7. Proses Pemilihan Pemenang

- 7.1 Pemenang-pemenang untuk hadiah bulanan akan disenarai pendek pada 30 November 2021, 31 Disember 2021 dan 15 Februari 2022 dan senarai pemenang akan diumumkan sama ada melalui surat, emel, SMS, telefon, pengumuman di laman sesawang [www.yyp.com.my](http://www.yyp.com.my) atau laman Facebook rasmi YYP di PortalRasmiYYP (“**Pemenang**”).

## 7. Proses Pemilihan Pemenang (Sambungan)

- 7.2 Pemilihan Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Kedua akan dikendalikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh akhir Tempoh Kempen atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak YYP untuk menentukan Pemenang.
- 7.3 Ia adalah tanggungjawab Pemenang untuk memastikan maklumat hubungan yang diberi adalah tepat dan terkini kepada YYP. YYP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian (termasuklah kehilangan peluang dan kesan dari tindakan tersebut) yang dihadapi daripada maklumat hubungan Pemenang YYP yang tidak dikemaskini sepenuhnya.
- 7.4 Jika Pemenang tidak dapat dihubungi, YYP mempunyai hak mutlak untuk menarik kembali Hadiah dan memilih Pemenang lain sebagai ganti.
- 7.5 Sebarang kos pemindahan hak milik bagi hadiah utama dan kos perbelanjaan (jika ada) berkaitan dengan pengambilan Hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang harus ditanggung oleh para Pemenang sendiri.
- 7.6 Melalui penyertaan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran data peribadi yang didapati, diproses dan digunakan oleh YYP selari dengan Notis Privasi, yang boleh dirujuk di [www.yyp.com.my](http://www.yyp.com.my) ("**Notis Privasi YYP**").
- 7.7 Senarai penyertaan akan disenarai pendek melalui proses pemilihan secara rawak YYP.

## 8. Terma dan Syarat Umum

- 8.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk patuh terhadap terma dan syarat dan keputusan penganjur (YYP) dan para pengadil.
- 8.2 Rekod urus niaga yang dikendalikan oleh YYP berkenaan jumlah pembiayaan yang dilakukan oleh pelanggan-pelanggan yang layak dan senarai akhir Pemenang yang dipilih adalah muktamad dan eksklusif.
- 8.3 YYP berhak untuk memilih Pemenang tambahan untuk menggantikan kepada Pemenang yang tidak layak atau kehilangan kelayakan untuk sebarang alasan sepanjang Tempoh Kempen.

## 8. Terma dan Syarat Umum (Sambungan)

- 8.4 Keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan terikat. YYP tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang alasan atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana individu dalam sebarang perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 8.5 YYP berhak untuk menerbitkan dan memaparkan nama, gambar dan/atau rakaman ke atas Pemenang dalam mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa sebarang pampasan dan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang akan memberikan kebenaran dan bersetuju dengan penggunaan dan penerbitan namanya, gambar dan /atau rakaman seperti yang terperinci di bahagian ini.
- 8.6 Pemenang tidak berhak mendapat pampasan, manfaat atau penggantian tunai dalam apa jua bentuk sebagai ganti Hadiah.
- 8.7 YYP berhak untuk melupuskan Hadiah yang dianugerahkan jika Pemenang tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini.
- 8.8 YYP mempunyai kuasa budi bicara muktamad untuk mengubah, menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau mengubah, mengeluarkan atau menambah mana-mana terma dan syarat yang tersenarai di sini pada bila-bila masa atau dari masa ke semasa tanpa memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu atau rujukan kepada Pelanggan Yang Layak.
- 8.9 Sekiranya terdapat sebarang konflik antara Terma dan Syarat ini dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris akan mengatasi versi lain.
- 8.10 Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia, dan permohonan yang layak dianggap telah bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

**15 OKTOBER 2021**

**TAMAT**